

29 MEI 2023, KOSMO, PG 17

Sebagai tanda sokongan amalan gaya hidup sihat tanpa rokok

1,000 peserta meriahkan Gegarun

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

KUALA LUMPUR – Bersempena sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia, lebih 1,000 peserta menyertai acara larian *Generational Endgame Advocacy Roadshow Run* (Gegarun) di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini semalam.

Menerusi acara itu, peserta berlari sejauh lima kilometer (km) di beberapa laluan di ibu negara sebagai tanda sokongan amalan gaya hidup sihat tanpa tembakau.

Pelepasan peserta disempurnakan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Norhayati Rusli dan turut dihadiri bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar dan bekas Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Harjeet Singh.

Dr. Norhayati berkata, pelbagai aktiviti dirancang sempena sambutan itu termasuk Gegarun anjuran Pertubuhan Wanita Malaysia Untuk Kawalan Tembakau dan Kesihatan bersama rakan-rakan kongsi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Kita mahu mengingatkan orang ramai supaya mengambil berat berkaitan tembakau. Ini kerana ia boleh menyebabkan komplikasi tertentu kepada kesihatan perokok.

"Malah, kita khuatir apabila seseorang individu mula merokok, agak sukar untuk berhenti kecuali atas usaha sendiri," katanya ketika ditemui.

Menurutnya, adalah penting untuk memastikan mereka yang belum terjebak rokok agar tidak sesekali mencubanya.

Justeru, pihaknya memerlukan komitmen dan sokongan semua pihak termasuk komuniti, agensi kerajaan dan swasta serta NGO untuk bersama-sama Kementerian Kesihatan (KKM) dalam mempromosikan gaya



SEBAHAGIAN peserta larian bergambar sambil memegang plakad bersempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia di Dataran DBKL, Kuala Lumpur semalam.



PESERTA larian melakukan regangan sebelum memulakan acara larian semalam.

hidup sihat tanpa tembakau.

"Kita akan memastikan semua aktiviti yang dilaksanakan terutama pencegahan kawalan dapat dijalankan selancar mungkin sekali gus melahirkan rakyat Malaysia yang sihat sejahtera bebas rokok," ujarnya.

Dr. Norhayati berkata, selain rokok, aktiviti larian tersebut merupakan salah satu inisiatif pihaknya dalam mempromosikan amalan hidup sihat kepada rakyat negara ini.

Selain itu, menerusi acara tersebut para peserta juga boleh mendapatkan maklumat mengenai bahaya merokok sekali gus bersama-sama mencegahnya sejak dari awal.